



## CABARAN PENDIDIKAN MINORITI MUSLIM DI AUSTRALIA

*(Muslim Minority Education Challenges in Australia)*

Mohamed Sabir Jamaludin<sup>1\*</sup>, Fakhru Adabi Abdul Kadir<sup>2</sup>, Mohd Sadad Mahmud<sup>3</sup>, Ahmad Nasir Mohd Yusof<sup>4</sup>

<sup>1,2</sup>Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Malaysia

<sup>4</sup>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Malaysia

\*Corresponding Author Email: [mosa07@gmail.com](mailto:mosa07@gmail.com)

Received: 4 July 2022 • Accepted: 19 April 2023 • Published: 30 April 2023

### **Abstract**

*Education is the lifeblood that provides knowledge to the community in various fields. The systematic beginning of education has now started from pre-school, primary school, secondary school and to higher level in college or university. All parties regardless of ethnic background, language and religion need the education to be able to live life more harmoniously, respect each other, build success and live based on humanity. At the same time in countries with diverse ethnic, religious and racial communities, the demand for education to understand religious beliefs is often heard. For more countries it is not a big issue to allow the community to provide religious education but not all countries are open and allow educational institutions other than those provided by the government. This is where various problems arise for communities to learn religious teachings, especially for Muslim minorities. Muslim minority communities face various challenges to obtain formal religious education facilities in government-owned schools. Therefore, there are several challenges that have to be overcome to ensure that the Muslim community is able to practice religious teachings while studying in schools owned by the government. This study examines the challenges faced by Muslim minority communities, especially Malays in Perth, Australia.*

**Keywords:** Education; Muslim Minority; Malay Community

### **Abstrak**

Pendidikan adalah nadi kepada kehidupan yang memberikan pelbagai ilmu kepada masyarakat dalam pelbagai bidang. Permulaan pendidikan secara sistematik kini telah bermula dari pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan ke peringkat tinggi di kolej atau universiti. Semua pihak tanpa mengira latar belakang etnik, bahasa dan agama memerlukan pendidikan agar dapat menjalani kehidupan dengan lebih harmoni, saling menghormati,

membina kejayaan serta hidup berdasarkan sifat kemanusiaan. Pada masa yang sama dalam negara yang mempunyai pelbagai masyarakat terdiri etnik, agama dan kaum tuntutan untuk mendapatkan pendidikan memahami anutan agama sering kedengaran. Bagi negara yang lebih terbuka ianya bukanlah satu isu besar untuk membenarkan masyarakat menyediakan pendidikan agama namun tidak semua negara yang terbuka dan membenarkan institusi pendidikan selain yang disediakan oleh kerajaan. Dari sinilah timbul pelbagai masalah untuk masyarakat mempelajari ajaran agama khususnya bagi golongan minoriti Muslim. Masyarakat minoriti Muslim menghadapi pelbagai cabaran untuk mendapatkan kemudahan pendidikan agama secara formal di sekolah milik kerajaan. Justeru itu terdapat beberapa cabaran yang terpaksa dilalui bagi memastikan masyarakat Muslim dalam melaksanakan ajaran agama semasa belajar di sekolah milik kerajaan. Kajian ini meneliti cabaran yang dihadapi oleh masyarakat minoriti Muslim khususnya Melayu di Perth, Australia.

**Kata kunci:** Pendidikan; Minoriti Muslim; Masyarakat Melayu

**Cite as:** Jamaludin, M.S., Abdul Kadir, F.A., Mahmud, M.S., Mohd Yusof., A.N. (2023). Challenges of Minority Muslim Education. *Asian People Journal*, 6(1), 53-65.

## PENGENALAN

Pendidikan adalah keperluan hidup setiap manusia. Proses pendidikan secara formal bermula dari awal usia kanak-kanak dan berterusan hingga peringkat universiti. Pelaburan dalam pendidikan yang bermula daripada peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat pendidikan tertinggi mampu memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup seseorang (Ahmad, 2008). Pendidikan mampu membuka minda dan menyediakan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran serta kemampuan setiap individu. Justeru boleh diibaratkan pendidikan merupakan nadi kehidupan.

Setiap golongan dalam pelbagai lapisan masyarakat memerlukan pendidikan yang meliputi ilmu berfikir, kemahiran dan juga spiritual. Asas pendidikan khususnya di peringkat rendah dan menengah adalah sangat penting dalam mencorakkan dan membentuk generasi baharu yang seimbang dari aspek intelektual, emosi, jasmani, rohani dan sahsiah, serta mempunyai daya pemikiran yang kreatif, kritis dan berdaya saing (Abd Rahman & Ramli, 2021). Pendidikan sepatutnya dapat melahirkan individu berani bersuara, mengenal potensi, mengurus penyempurnaan diri, meluaskan pandangan dan pemikiran. Pendidikan juga sewajarnya memberikan keseimbangan antara kehidupan sosial dan amalan agama.

Bagi seorang Muslim menuntut ilmu adalah kewajipan yang tidak boleh diabaikan. Hanya dengan mengenal agama sahaja seseorang individu mampu mengenal Tuhan serta mematuhi perintah dan meninggalkan larangan agama. Al-Quran menjelaskan kepentingan ilmu,

“Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakal yang dapat menerima pelajaran. (Surah Az-Zumar: 9)”.

Sebagai Muslim menuntut ilmu adalah satu kewajipan yang wajib diusahakan walau di negara mana mereka menetap. Pada masa kini, masyarakat minoriti Muslim menghadapi pelbagai cabaran dalam menuntut ilmu

agama secara tersusun atau sistematis. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji bagaimana golongan masyarakat minoriti Melayu Muslim yang menetap di Perth, Australia menangani cabaran pendidikan untuk anak-anak mereka.

Banyak kajian dijalankan mengenai cabaran yang dilalui oleh golongan minoriti Muslim yang menetap di dalam majoriti non-Muslim. Antaranya jurnal yang bertajuk Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran Pemikiran Era Globalisasi (Ali & Ismail, 2018)). Kajian ini menjelaskan terdapat beberapa pihak yang terlibat dalam mengatur dan mengurus sistem pendidikan agama Islam di Singapura. Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) adalah pihak autoriti dan dipertanggungjawabkan oleh kerajaan Singapura mengurus berkaitan agama Islam di Singapura. Selain itu Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Singapura (PERGAS) menentukan guru-guru yang mengajar agama di masjid-masjid dan dibantu oleh Persatuan Pelajar Agama Dewasa Singapura (PERDAUS). Masyarakat minoriti Muslim di Singapura mempunyai sistem pendidikan yang teratur dan tersusun.

Kajian lepas yang lain adalah Cabaran Minoriti Muslim: Kajian di Jepun (Hamdani, 2019). Dapatan kajian mendapati terdapat beberapa Pertubuhan atau organisasi yang aktif dalam mengembangkan pendidikan Islam di Jepun. Persatuan Muslim Jepun adalah pertubuhan pertama yang ditubuhkan di Jepun dan mengurus masyarakat Muslim dalam pelbagai aspek khususnya pendidikan Islam. Selain itu terdapat Pusat Islam yang diiktiraf oleh kerajaan Jepun sebagai organisasi yang mengurus hubungan lebih luas dengan masyarakat Muslim di luar negara dan pelbagai pertubuhan lagi seperti Japan Da'wah Centre di Osaka, The Islamic Association di Hokkaido, Japan Islamic Friendship Association in Kyoto, Association of Islamic Da'wah di Osaka, The Islamic Association di Nara, Muslim Women Association di Osaka dan Kyoto dan Arabic Culture Association di Tokyo. Pertubuhan ini bergerak dalam membantu menyebarkan Islam di Jepun.

Antara cabaran besar yang di hadapi oleh masyarakat Jepun adalah tiada pilihan sekolah seperti di negara lain memiliki sekolah swasta pendidikan agama Islam. Justeru itu anak-anak masyarakat Muslim perlu mendapatkan pendidikan di sekolah kebangsaan sahaja. Anak-anak Muslim yang belajar di pra persekolahan dan sekolah rendah tidak mempunyai pilihan untuk mendapatkan makanan halal di sekolah. Selain itu cabaran yang dihadapi adalah kekurangan kelas-kelas pendidikan Islam yang berstruktur dan seragam untuk kanak-kanak dan remaja. Isu kekurangan bahan bacaan agama dalam bahasa Jepun dan kekurangan guru agama turut menyumbang kepada masalah pendidikan agama untuk masyarakat Jepun.

Manakala dalam kajian yang dilaksanakan terhadap masyarakat Muslim Korea dalam jurnal Kehidupan Beragama Minoriti Muslim di Korea (Muhammad Zaid et al., 2018) mendapati masalah yang hampir sama seperti di Jepun. Anak-anak Muslim Korea belajar di sekolah kebangsaan yang disediakan oleh kerajaan sahaja. Malah tiada institusi pengajian Islam di Korea. Masyarakat Muslim perlu mendapatkan pendidikan Islam yang lebih mendalam di luar negara. Pendidikan terhadap agama hanya boleh diperoleh secara tidak formal di masjid-masjid atau melayari internet dan membaca buku-buku agama. Terdapat beberapa pertubuhan Islam di Korea antaranya Korean Muslim Federation, Muslim Student Association of Korea, Islamic Centers/Macheon-Geoyeo Center dan yang berpusat di masjid-masjid sekitar Korea.

Masyarakat minoriti Muslim di Vietnam lebih bernasib baik walaupun menetap di dalam negara yang berfahaman Komunis. Kerajaan memberikan kebebasan kepada masyarakat Muslim untuk mendapatkan pendidikan agama. Banyak kemudahan dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan Vietnam kepada masyarakat Muslim Cham, termasuk pendidikan (Sri Lestari, 2015). Dalam kajian yang dilakukan oleh Rose Abdullah

Pendidikan Islam di Vietnam: Madrasah Darussalam Tay Ninh Sebagai Model menjelaskan terdapat sistem pendidikan agama berstruktur di madrasah yang diuruskan oleh pertubuhan Jamiah Islamiah di Vietnam. Manakala masjid-masjid turut dijadikan sebagai pusat pendidikan agama secara formal kepada anak-anak Muslim. Bagi pelajar yang berhasrat menyambung pengajian agama ke peringkat yang lebih tinggi akan belajar di negara-negara majoriti Muslim seperti Malaysia, Indonesia, Libya dan Mesir.

Masyarakat minoriti Muslim di Britain mendapat lebih banyak kemudahan dalam bidang pendidikan. Terdapat 0.2 % atau 13% sekolah Islam di Britain (Islamic Education, 2017). Isu ini turut dijelaskan dalam jurnal *Education for The Other: Policy and Provision for Muslim Children in the UK and Swedish Education Systems* (Jenkins et al., 2016). Kerajaan Britain membenarkan pendidikan agama Islam diajarkan di sekolah-sekolah swasta. Malah pihak kerajaan menyediakan dana bagi sekolah-sekolah swasta Islam yang mengikuti syarat dan garis panduan yang ditetapkan. Dari jumlah 130 sekolah Islam terdapat 11 sekolah yang menerima dana dari kerajaan (Department for Education, 2016). Terdapat juga masjid-masjid yang menyediakan pendidikan agama yang tidak berasaskan kurikulum pendidikan teras sekolah kebangsaan. Maka para ibu bapa Muslim boleh memilih sekolah yang sesuai yang menawarkan nilai Islam, peningkatan akademik dan juga mengelakkan isu buli dan rasis (Jenkins et al., 2016).

Masyarakat Muslim di Britain mempunyai pelbagai pertubuhan yang memperjuangkan pendidikan untuk Muslim seperti The Muslim Association of Britain, Association of Muslim Schools UK (AMS-UK), Muslim Council of Britain, UK Action Committee on Islamic Affairs, Muslim Council of Britain, British Muslim Forum, Sufi Muslim Council, Islamic Society of Britain, Muslim Association of Britain, Mosque and Imam National Advisory Board, Federation of Student Islamic Societies dan lain-lain.

Australia adalah negara yang mempunyai penduduk dari pelbagai etnik, budaya dan agama. Bagi menyatukan penduduknya Australia menyediakan pendidikan yang sama kepada semua penduduknya. Australia Qualification Framework adalah struktur pendidikan kebangsaan yang merangkumi pendidikan pra-persekolahan wajib merangkumi 10 tahap dan rangkaian sekolah, vokasional dan pendidikan tinggi dalam satu sistem pendidikan negara yang menyediakan penerusan pendidikan dari satu tahap pendidikan dan antara institusi. Selain itu terdapat sekolah pendidikan vokasional atau TVET dan menengah tinggi serta pendidikan tinggi di Universiti (Saifullah Isri, 2015).

Pada masa yang sama terdapat *public school* atau sekolah negeri dan *private school* atau sekolah swasta. Majoriti pelajar dalam dua pertiga pelajar menuntut di sekolah negeri manakala sebahagian kecil menuntut di sekolah swasta. Sekolah swasta pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu yang mengajar agama seperti sekolah Islam, Katolik atau Protestan dan sekolah persendirian biasa. Walaupun sekolah swasta bebas menyediakan kurikulum pendidikannya namun ianya masih diwajibkan mengajar subjek teras mengikut kurikulum pendidikan kebangsaan, mematuhi Piawaian Jabatan Pendaftaran Pendidikan dan Peraturan Negeri serta Komanwel. Dengan kepelbagaian pilihan sekolah ini ianya menjadikan Australia di antara negara yang mempunyai sistem pendidikan maju di dunia (Saifullah Isri, 2015).

Dengan pilihan pendidikan swasta yang terdapat di Australia memberikan peluang kepada para ibu bapa memilih untuk menghantar anak-anak untuk belajar pendidikan agama di sekolah swasta. Anak-anak masyarakat Muslim di Australia juga berpeluang untuk mempelajari agama di sekolah swasta yang diiktiraf. Sementara itu di Perth, Australia Barat terdapat beberapa sekolah agama Islam antaranya Al-Hidayah Islamic School, Australian

Islamic College, Langford College dan Damla College (Islamic Council Western Australia, 2023). Sekolah-sekolah ini menjadi pilihan kepada masyarakat Muslim untuk menghantar anak-anak mereka belajar bidang akademik dan agama pada waktu persekolahan. Terdapat juga pendidikan agama Islam yang dilaksanakan di masjid-masjid di Perth, Australia. Terdapat dua puluh masjid di Perth Australia. Sebahagiannya menyediakan pendidikan Al-Quran dan fardu ain untuk anak-anak Muslim (Islamic Council Western Australia, 2023), Kelas ini kebiasaannya dijalankan selepas waktu Asar atau pada hujung minggu. Para ibu bapa Muslim berpeluang untuk memilih waktu yang sesuai untuk menghantar anak-anak mereka mendapatkan pengajian al-Quran atau fardu ain.

Kajian literatur mendapati cabaran pendidikan agama yang dihadapi oleh masyarakat minoriti Muslim berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain. Terdapat negara yang tidak memberikan pilihan pendidikan kepada masyarakat minoriti Muslim manakala terdapat juga negara yang memberikan pilihan untuk mempelajari ajaran agama Islam di sekolah swasta dan sebagainya. Cabaran pendidikan minoriti Muslim di Perth, Australia khususnya masyarakat Melayu tidak terkecuali. Walaupun masyarakat minoriti Muslim mendapat kemudahan pendidikan yang selesa di Perth namun suasana kehidupan sosial dan undang-undang yang memberi kebebasan kepada warga Australia untuk bebas melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak sesuai dengan norma-norma sebagai penganut agama Islam telah memberikan cabaran yang berbeza dan harus di hadapi masyarakat minoriti Muslim di Perth, Australia berbanding di tempat-tempat lain.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian kualitatif dilaksanakan untuk menghimpun data, mendapatkan maklumat dari informan serta memperoleh pemahaman dari suatu kes yang dikaji. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual. Metode temu bual ialah komunikasi dua hala di antara penemubual dan informan bertujuan mendapatkan maklumat kajian yang berkaitan (Ho C. P, 2013).

Kaedah temu bual bersemuka digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat yang lebih relevan berkaitan latar belakang, ciri-ciri serta maklumat-maklumat lain yang diperlukan. Menurut Moh. Nazir *interview* atau wawancara adalah proses memperoleh keterangan untuk tujuan penelitian dengan cara tanya jawab sambil bersemuka antara penyual dan yang dinamakan *interview guide* (Moh. Nazir, 2005).

### *Metode Temu bual*

Kajian ini menggunakan metode temu bual semi berstruktur bagi mendapatkan jawapan dari para informan. Menurut Chua Y. P, temu bual dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur (Chua Y.P, 2014). Kaedah temu bual semi berstruktur lebih sesuai digunakan di dalam kajian ini. Temu bual semi berstruktur dijalankan bersama para informan dengan formal, dirancang secara teliti dan dijelaskan kepada informan terlebih dahulu. Senarai soalan yang telah disediakan terlebih dahulu untuk memudahkan informan menjawab pertanyaan yang dibangkitkan. Data yang diperoleh dirakam semasa temu bual dan dicatatkan untuk memudahkan semasa proses analisis data.

### *Analisa Data*

Kajian menggunakan analisis tematik iaitu kaedah yang paling sesuai bagi kajian kualitatif temu bual yang dijalankan (Richard, 1998). Analisis ini digunakan untuk mengumpul data deskriptif bagi menjawab masalah

penyelidikan. Analisis tematik menurut Braun dan Clarke ialah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan dalam bentuk tema di dalam data. Dengan kaedah ini dapat mengurus dan menerangkan set data secara terperinci yang turut menyentuh beberapa aspek dalam tajuk kajian. Metode ini memudahkan pengkaji menghasilkan tema-tema yang relevan dengan kajian berdasarkan jawapan diperoleh semasa sesi temu bual bersama para pemberi maklumat. (Braun & Clarke, 2006).

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Masyarakat Melayu Muslim di Perth, Australia memberikan perhatian terhadap pendidikan anak-anak mereka. Kesedaran kepentingan pendidikan terhadap anak-anak berada pada tahap yang tinggi. Malah masyarakat Melayu Muslim menyedari Australia mempunyai sistem pendidikan yang terbaik di dunia. Justeru itu tiada isu anak-anak masyarakat Melayu tercicir dalam bidang pendidikan. Australia menyediakan pendidikan sekolah awam *atau public school* dan juga sekolah swasta atau *private school*. Masyarakat Melayu Muslim bebas untuk memilih sistem pendidikan yang ditawarkan di Perth, Australia.

### ***Pendidikan Formal***

#### ***Pendidikan Pra Sekolah***

Pendidikan awal kanak-kanak atau pra persekolahan membuka satu lembaran baharu pendidikan anak-anak. Berdasarkan statistik Preschool Education Australia tahun 2021 jumlah kanak-kanak yang berusia 4-5 tahun mendaftar di pra sekolah meningkat sebanyak 1.3% berbanding tahun 2020. Ini menjelaskan program pendidikan pra sekolah mendapat sambutan daripada masyarakat. Penyelidik telah menemu bual masyarakat Melayu Muslim di Perth, Australia untuk mendapatkan maklumat sama ada ibu bapa Melayu Muslim turut menghantar anak-anak mereka ke program pendidikan pra persekolahan.

Informan Yusof seorang doktor perubatan menyatakan bahawa beliau menghantar anaknya belajar pendidikan pra persekolahan semasa usia anaknya lima tahun. Beliau menerangkan bahawa di Perth, Australia tiada pendidikan pra persekolahan swasta agama. Semua pra persekolahan adalah di kendalikan oleh sekolah milik kerajaan. Pendidikan pra sekolah banyak membantu anaknya untuk bergaul dan belajar dengan rakan-rakan secara santai sahaja.

Cabaran yang beliau hadapi ialah isu perkongsian makanan bekalan makanan yang dibawa oleh kanak-kanak lain. Pihak guru sememangnya sering mengingatkan peraturan perkongsian makanan kanak-kanak tidak dibenarkan. Tetapi apabila bekalan makanan dibuka semasa rehat anak-anak yang berusia empat atau lima tahun tidak faham dan akan mengambil makanan rakan-rakannya. Inilah masalah yang sukar diatasi oleh anak-anak Muslim kerana tidak dapat mengelak memakan makanan yang tidak dapat dipastikan halal.

Sementara itu menurut informan berikutnya Linda beliau memang menghantar anaknya ke pra sekolah dan membekalkan makanan. Beliau juga menyatakan masalah kawalan anak-anak yang belajar pra sekolah untuk tidak mengambil bekalan makanan rakan-rakannya memang sukar. Namun guru-guru yang bertugas tetap berusaha dan mengingatkan kanak-kanak agar hanya memakan bekalan makanan masing-masing.

Menurut para informan masalah di pra sekolah sahaja iaitu kadang-kadang berlaku anak-anak mengambil atau berkongsi bekalan makanan mereka. Walaupun pihak sekolah menetapkan peraturan tidak membenarkan

perkongsian bekalan makanan kerana faktor keracunan atau masalah kesihatan kanak-kanak tetapi kadang-kadang perkara di luar kawalan berlaku. Para informan tiada pilihan untuk menghantar anak-anak mereka ke pra sekolah Islam kerana sememangnya tidak ada disediakan oleh pihak masjid atau pertubuhan Islam lain.

### *Pendidikan Rendah*

Kerajaan Australia mewajibkan semua kanak-kanak bermula dari umur enam tahun wajib mendaftarkan diri ke sekolah rendah. Isu pendidikan anak-anak menjadi perhatian pihak kerajaan, semua penduduk Australia sama ada yang mempunyai permit kerja, penduduk sementara, pelarian perang dan warganegara yang mempunyai anak diwajibkan mendapat pendidikan di sekolah rendah. Masyarakat Melayu Muslim di Perth, Australia berpeluang untuk memilih sama ada menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan atau sekolah swasta Islam. Dalam sesi temu bual yang telah dijalankan para informan telah memberikan penjelasan kecenderungan mereka dalam memilih sekolah untuk anak-anak mereka.

Menurut informan Khairul beliau memilih untuk menghantar anaknya belajar di sekolah swasta Islam kerana terdapat pendidikan akademik dan agama di sekolah. Malah beliau juga tidak perlu mengurus menghantar anak-anak untuk belajar agama di tempat lain. Selain itu beliau tidak perlu memikirkan tentang anak-anak yang perlu solat Zohor dan Jumaat dan penyediaan makanan halal kerana pihak sekolah telah menguruskan perkara tersebut. Selain itu beliau mahu anak-anaknya berkawan dengan rakan-rakan Muslim.

Manakala menurut informan berikutnya Azizi seorang pendakwah agama menjelaskan beliau memilih untuk menghantar anak-anak bersekolah di sekolah kebangsaan. Beliau menyatakan sekolah di Australia adalah yang menyediakan pendidikan terbaik dan mahu anak-anaknya bergaul dengan rakan-rakan tanpa mengira anutan agama atau etnik mereka. Ini akan mewujudkan penglibatan sosial anak-anak dengan rakan non-Muslim lebih mesra. Namun informan menyedari terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi iaitu anak-anak akan solat Zohor selepas jam 3.00 petang setelah habis waktu persekolahan. Informan tidak menghadapi isu tentang solat Jumaat kerana anak-anaknya perempuan. Dari sudut makanan halal pula beliau menyatakan perlu menyediakan bekal kepada anak-anak bagi memastikan mereka makan makanan halal dan tidak mengambil makanan dari rakan-rakan non-Muslim mereka.

Informan Azizi menyedari ada beberapa cabaran seperti anak-anak yang lewat menunaikan solat Zohor tetapi belum masuk waktu solat Asar. Manakala isu makanan halal yang menjadi masalah apabila pelajar sekolah berkongsi makanan. Walaupun pihak guru sering mengingatkan pelajar untuk tidak berkongsi makanan yang dibawa kadang-kadang anak-anak yang masih belum memahami isu makanan halal akan berkongsi makanan mereka. Ini adalah antara satu perkara yang perlu sentiasa diingatkan. Informan berikutnya Nora pula berkongsi beliau menghantar anak-anak bersekolah di sekolah rendah kebangsaan kerana ianya sistem pendidikan formal yang terbaik. Malah kedudukan sekolah yang hampir dengan rumahnya lebih memudahkan anak-anak pergi dan balik dengan hanya berjalan kaki sahaja. Beliau menjelaskan masalah solat Zohor pun tidak menjadi masalah sebab sempat balik dan solat di rumah kecuali solat Jumaat sahaja anak-anak tidak dapat pergi kerana waktu sekolah temat jam 3.00 petang. Walau bagaimana pun anak-anak akan solat Jumaat pada waktu cuti sekolah.

Informan juga menjelaskan isu aurat anak-anak perempuan beliau di sekolah tiada isu besar kerana masih belum baligh atau cukup umur. Anak-anak beliau juga dapat mengikuti pelbagai sukan di sekolah kebangsaan tanpa halangan masalah aurat dan sebagainya. Bagi meningkatkan pendidikan agama Islam beliau menghantar anak-anak belajar fardu ain dan al-Quran di masjid. Pilihan sekolah kebangsaan untuk pendidikan anak-anak

informan Nora telah mengambil kira pelbagai faktor. Kekurangan yang berkaitan dengan pendidikan agama diatasi dengan cara yang sesuai kerana terdapat pelbagai pilihan.

Respons yang diberikan oleh majoriti informan adalah mereka memilih menghantar anak-anak ke sekolah rendah kebangsaan kerana mempunyai sistem pendidikan terbaik. Hanya sebahagian kecil sahaja masyarakat Melayu Muslim memilih sekolah rendah swasta Islam. Manakala masalah yang berkaitan dengan solat Zohor masih boleh diatasi dengan solat di rumah selepas waktu persekolahan tetapi solat Jumaat anak-anak Muslim hanya mengerjakan apabila musim cuti sekolah sahaja. Isu ini tidak dianggap sebagai masalah besar bagi masyarakat Melayu Muslim kerana anak-anak masih belum baligh. Manakala isu makanan halal boleh diatasi dengan menyediakan bekal makanan dari rumah. Isu menyertai sukan yang mendedahkan aurat juga tidak dianggap masalah utama kerana anak-anak perempuan masih belum baligh.

### *Pendidikan Menengah*

Setelah tamat pendidikan di sekolah rendah tahap berikutnya adalah melanjutkan pendidikan ke sekolah menengah. Masyarakat Melayu Muslim mempunyai pilihan sekali lagi untuk menghantar anak-anak ke sekolah menengah kebangsaan atau sekolah rendah swasta Islam. Cabaran besar yang perlu dihadapi oleh anak-anak masyarakat Melayu Muslim yang telah baligh. Penyelidik mendapatkan pandangan informan dalam hal ini.

Menurut Khairul beliau tidak menghadapi masalah kerana tetap mengekalkan anak-anaknya belajar di sekolah swasta Islam. Pihak sekolah menguruskan para pelajar menunaikan solat Zohor dan solat Jumaat berjemaah di sekolah. Maka beliau mengatakan masalah tersebut telah selesai dan beliau tidak perlu risau hal tersebut.

Informan Hadi seorang ahli perniagaan yang ditemu bual menyatakan bahawa beliau menghantar anak-anak lelakinya bersekolah di sekolah menengah kebangsaan kerana sistem pendidikan di Australia telah disusun dengan kurikulum yang terbaik dan sewajarnya dimanfaatkan. Manakala isu solat Zohor, anak-anak beliau masih sempat menunaikannya setelah balik dari sekolah menengah. Cuma solat Jumaat anak-anak tidak dapat pergi menunaikannya sebab waktu persekolahan tamat jam 3.00 petang. Menurut beliau walaupun pihak sekolah membenarkan ibu bapa Muslim mengambil anak-anak bagi menunaikan solat Jumaat tetapi beliau tidak mahu mengganggu jadual waktu kelas anak-anaknya. Justeru itu informan menyatakan anak-anak lelaki beliau akan dibawa ke masjid menunaikan solat Jumaat pada hari cuti persekolahan sahaja.

Informan berikutnya Razman menjelaskan bahawa beliau meneruskan pembelajaran anak-anaknya di sekolah menengah kebangsaan setelah tamat di sekolah rendah kebangsaan. Beliau mahu anak-anaknya bergaul dengan rakan-rakan di sekolah yang tidak terhad kepada pelajar Muslim sahaja. Tujuannya adalah agar anak-anak akan dapat berinteraksi dengan masyarakat tempatan dan tidak terasing hanya dalam kelompok masyarakat Muslim sahaja. Cabaran besar yang beliau hadapi adalah menghalang penglibatan anak-anak perempuan beliau dalam aktiviti sukan yang mendedahkan aurat. Ianya memang sukar pada peringkat awal kerana semasa di sekolah rendah isu tersebut tidak berbangkit kerana anak-anak masih belum baligh. Selain itu beliau menyatakan bertegas agar anak-anaknya mengawal pergaulan antara lelaki dan perempuan di sekolah yang agak bebas.

Seterusnya informan Sue pula berkongsi antara cabaran yang dihadapi olehnya adalah untuk menjelaskan pada anak-anak perempuan tentang batas agama yang perlu dipatuhi setelah baligh. Anak-anak yang meneruskan persekolahan di sekolah menengah kebangsaan perlu memakai pakaian menutup aurat serta tidak boleh lagi



menyertai aktiviti sukan yang mendedahkan aurat. Masalah kedua yang beliau hadapi adalah persoalan yang ditanyakan oleh rakan-rakan anak di sekolah tentang pemakaian menutup aurat dan aktiviti yang tidak boleh lagi disertai seperti di sekolah rendah dahulu.

Hasil temu bual dengan para informan, ibu bapa Melayu Muslim yang menghantar anak-anak ke sekolah rendah kebangsaan akan meneruskan pendidikan anak-anak ke sekolah menengah kebangsaan. Isu yang paling mencabar adalah melibatkan anak-anak perempuan yang telah baligh yang perlu menutup aurat dan tidak boleh lagi menyertai aktiviti sukan dan kelab yang mendedahkan aurat. Cabarannya adalah menjelaskan larangan tersebut kepada anak-anak mereka dan juga bagaimana anak-anak perlu menerangkan kepada rakan-rakan non-Muslim di sekolah. Justeru itu para informan perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan juga menjelaskan kepada anak-anak perkara yang menjadi batasan dalam Islam.

### *Pendidikan Tinggi*

Cabaran lebih besar yang dihadapi oleh masyarakat Melayu Muslim di Perth, Australia adalah apabila anak-anak meningkat umur lapan belas tahun. Undang-undang Australia menetapkan anak-anak yang mencapai umur ini bebas untuk memilih cara hidup mereka sendiri. Anak-anak Melayu Muslim kebiasaannya akan melanjutkan pendidikan tinggi ke kolej atau universiti. Malah mereka berhak memilih sama ada untuk menetap bersama ibu bapa atau bersama rakan-rakan mereka.

Temu bual dengan informan mendapati bahawa waktu ini adalah cabaran yang paling besar dihadapi oleh para ibu bapa Melayu Muslim. Informan Razman menyatakan bahawa anak-anak perempuan beliau diberikan kefahaman agama dan juga adat budaya Melayu. Beliau menekankan anak-anak beliau mesti menetap bersama ibu bapa sehinggalah mereka berkahwin. Pergaulan dengan rakan-rakan kolej atau universiti mestilah berasaskan batasan hukum syarak. Beliau tegas mendidik anak-anak agar tidak terlibat dengan pergaulan bebas dengan lelaki, mengambil minuman beralkohol dan juga dadah.

Informan Idris turut menyatakan bahawa cabaran besar adalah apabila anak-anak meningkat dewasa dan memasuki pendidikan tinggi. Beliau perlu memantau perkembangan anak-anak kerana ia adalah satu tanggungjawab yang tidak boleh dipandang ringan walaupun mereka telah memasuki institut pendidikan tinggi. Hidup dalam persekitaran yang mempunyai majoriti masyarakat non-Muslim dan undang-undang yang bebas adalah satu cabaran yang besar. Asas pendidikan agama dari usia kecil amat penting bagi memastikan anak-anaknya menyedari bahawa sebagai penganut Islam kehidupan mereka berbeza dengan rakan-rakan yang non-Muslim.

Hasil temu bual dengan para informan menjelaskan cabaran yang besar apabila anak-anak mereka meningkat dewasa dan memasuki pendidikan tinggi di kolej atau universiti. Kawalan terhadap anak-anak dari segi undang-undang semakin longgar dan mereka berhak menentukan apa yang mereka mahu lakukan. Menjadi golongan minoriti Muslim pada saat itu adalah mencabar sekiranya anak-anak tidak diberikan asas agama yang kuat. Anak-anak boleh terpengaruh dengan kehidupan yang melanggar batasan hukum syarak apabila terlibat aktiviti sosial yang terlalu bebas. Undang-undang Australia memberikan kebebasan kepada sesiapa yang berusia lapan belas tahun untuk meminum arak, penglibatan dengan seks dan sebagainya. Inilah yang merisaukan masyarakat Melayu Muslim jika asas agama anak-anak tidak kukuh dan boleh merosakkan akidah agama.

### ***Pendidikan Tidak Formal***

Bagi ibu bapa masyarakat Melayu Muslim yang menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan mengambil inisiatif untuk memastikan anak-anak mereka dapat mempelajari agama Islam. Antara yang dilakukan adalah dengan menghantar anak-anak mempelajari agama secara tidak formal seperti di masjid, pusat belajar al-Quran dan fardu ain atau menghantar anak-anak belajar dengan guru agama.

Para informan yang ditemu bual menjelaskan bagaimana mereka memanfaatkan pendidikan tidak formal tersebut. Informan Nora menyatakan selepas tamat waktu persekolahan di sekolah rendah atau menengah anak-anak beliau akan pergi mempelajari al-Quran dan Fardu Ain di masjid berdekatan dengan rumah. Waktu pembelajaran al-Quran bermula selepas waktu solat Asar yang dikendalikan oleh para guru agama di masjid. Kelas mengaji al-Quran dan Fardu Ain yang diikuti ini sangat membantu anak-anak membaca al-Quran dan mengetahui asas Fardu Ain khususnya yang berkaitan dengan ibadah.

Informan Asyraf menjelaskan dalam sesi temu bual beliau menghantar anak-anaknya mempelajari al-Quran di pusat pendidikan al-Quran Qaswa yang diuruskan oleh pendakwah dari Malaysia. Beliau mengatakan anak-anak akan dihantar belajar di sini pada hujung minggu. Kelas ini majoritinya dihadiri oleh anak-anak masyarakat Melayu Muslim. Beliau mahu anak-anak selain dapat belajar al-Quran dan Fardu Ain akan dapat mengenali serta bergaul dengan masyarakat Melayu.

Selain itu informan Hadi turut menghantar anak-anaknya ke kelas al-Quran dan Fardu Ain pada hujung minggu. Beliau tidak mahu menghantar anak-anak belajar di masjid kerana anak-anak telah penat belajar di sekolah kebangsaan dan tidak mahu membebankan mereka dengan kelas pada waktu petang. Menurut beliau kelas pada hujung minggu lebih praktikal dan bagi menambah pengetahuan agama anak-anak, beliau akan menjemput guru agama dari Malaysia tinggal bersama mereka selama sebulan pada cuti sekolah untuk mengajar anak-anaknya.

Apa yang jelas walaupun anak-anak masyarakat Melayu Muslim belajar di sekolah kebangsaan para informan tetap berusaha memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan agama secara tidak formal. Para informan majoritinya menghantar anak-anak belajar di pusat al-Quran Qaswa dan juga di masjid untuk kelas membaca al-Quran dan Fardu Ain. Masyarakat Melayu Muslim di Perth, Australia memanfaatkan pendidikan tidak formal untuk memberikan kefahaman agama kepada anak-anak mereka.

Jadual 1: Perbandingan Pendidikan Islam Di Negara-Negara Minoriti Muslim

<b>Negara</b>	<b>Pihak-Pihak Terlibat</b>	<b>Kenyataan</b>
Singapura	MUIS, PERDAS & PERDAUS	Sistem pendidikan tetap dan tersusun.
Jepun	Japan Da'wah Centre, The Islamic Association, Japan Islamic Friendship Association, Association of Islamic Da'wah, The Islamic Association di Nara, Muslim Women Association dan Arabic Culture Association.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada pilihan sekolah.</li> <li>- Tiada makanan halal.</li> <li>- Kurang kelas pendidikan Islam berstruktur.</li> <li>- Kurang guru agama</li> </ul>

Korea	Korean Muslim Federation, Muslim Student Association of Korea, Islamic Centers/Macheon-Geoyeo Center.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kurang bahan-bahan bacaan agama</li> <li>- Masalah hampir sama seperti di Jepun dan tiada institusi pengajian Islam formal.</li> <li>- Pendidikan Islam tidak formal di masjid.</li> </ul>
Vietnam	Madrasah Darussalam Tay Ninh dan Jamiah Islamiah Vietnam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Banyak kemudahan/bantuan kepada Muslim Cham</li> <li>- Kerajaan beri kebebasan untuk pendidikan agama</li> <li>- Sistem pendidikan Islam berstruktur dan formal.</li> <li>- Masjid sebagai pusat pendidikan agama.</li> </ul>
Britain	The Muslim Association of Britain, Association of Muslim Schools UK (AMS-UK), Muslim Council of Britain, UK Action Committee on Islamic Affairs, Muslim Council of Britain, British Muslim Forum, Sufi Muslim Council, Islamic Society of Britain Muslim Association of Britain dan lain-lain.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan memberikan bantuan dan kebebasan.</li> <li>- Pendidikan Islam di sekolah swasta.</li> <li>- Kerajaan menyediakan dana</li> <li>- 27 sekolah mendapat pembiayaan dari kerajaan.</li> <li>- Masjid menjadi pusat pendidikan agama.</li> </ul>
Australia	Islamic Center of Western Australia, Furqan Islamic Association, Perth Ummah Centre, Armadale Masjid and Islamic Center, Qaswa dan lain-lain.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sekolah swasta menawarkan pendidikan Islam.</li> <li>- Adanya pendidikan agama dan akademik.</li> <li>- Pendidikan al-Quran &amp; Fardu ain di 23 Masjid di Perth.</li> <li>- Menghadapi cabaran sosial dan undang-undang yang memberi kebebasan kepada masyarakat.</li> </ul>

## KESIMPULAN

Masyarakat Melayu Muslim di Perth, Australia masih beruntung kerana mempunyai pilihan untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah kebangsaan atau sekolah swasta Islam. Kerajaan Australia membenarkan didirikan sekolah swasta agama dengan syarat-syarat yang ditentukan. Pada masa yang sama pendidikan tidak formal pembelajaran agama juga terdapat di masjid-masjid dan pusat pendidikan al-Quran yang mudah untuk dihadiri oleh anak-anak masyarakat Melayu Muslim mengikut keselesaan mereka.

Walaupun majoriti informan yang ditemu bual dalam kajian ini menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan berbanding sekolah swasta Islam, pendidikan agama tidak diabaikan oleh masyarakat Melayu Muslim. Para informan juga bertindak mendidik anak-anak tentang kefahaman asas dan batas agama sepanjang masa. Nasihat dan peringatan tentang perbezaan kehidupan sebagai seorang Muslim dengan non-Muslim di Perth, Australia sering diingatkan kepada anak-anak mereka.

Cabaran pendidikan anak-anak masyarakat Melayu Muslim meningkat mengikut tahap peningkatan usia anak-anak mereka. Cabaran semakin membesar apabila anak-anak melanjutkan pendidikan ke kolej atau universiti kerana undang-undang Australia memberikan kebebasan apabila usia mencapai lapan belas tahun. Namun dengan pendidikan asas agama dari awal dapat membendung anak-anak dari terlibat dalam perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam. Kelebihan masyarakat minoriti Melayu Muslim di Perth, Australia adalah mempunyai pelbagai pilihan dalam pendidikan agama untuk anak-anak. Terdapat pendidikan Islam secara formal di sekolah swasta Islam dan juga pendidikan tidak formal di masjid-masjid serta pusat pendidikan al-Quran. Justeru itu masyarakat Melayu Muslim di Perth, Australia lebih beruntung jika dibandingkan dengan masyarakat minoriti Muslim di Jepun dan Korea yang tiada kemudahan sekolah swasta Islam.

Cabaran pendidikan anak-anak masyarakat Melayu Muslim di antara lain adalah isu makanan halal di sekolah, pelaksanaan ibadah solat Jumaat, usia baligh anak-anak perempuan yang membataskan penglibatan aktiviti sukan yang mendedahkan aurat, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan serta undang-undang Australia yang memberikan kebebasan kepada anak-anak apabila mencapai usia lapan belas tahun yang tidak selari dengan batas hukum syarak. Walau bagaimanapun secara umumnya masyarakat Melayu Muslim di Perth, Australia dapat mengatasi cabaran-cabaran tersebut.

## RUJUKAN

- Abd Rahman, I., & Ramli, A. A. (2021). Isu dan Cabaran dalam Pelaksanaan Pendidikan Peringkat Rendah dan Menengah: Pendekatan Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(9), 1 - 13.
- Ahmad, A. (2008). Kepentingan Pendidikan Dalam Pembentukan Kualiti Hidup Sejahtera. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 1-8.
- Ali, W.K., & Ismail, A.Z. (2018). *Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran Dalam Pemikiran Era Globalisasi*. *JMS*, 1(1), 25- 53.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 5: Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis SEM*. Selangor, McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Department for Education. (2016). Retrieved from [https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment\\_data/file/508421/DfE-strategy-narrative.pdf](https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/508421/DfE-strategy-narrative.pdf)

- Gatot Subroto, (2013), Menurunnya Minat Siswa Terhadap Bahasa Indonesia di Australia, *Jurnal Penelitian Kebijakan Pendidikan*, 161-18.
- Hamdani, S. M., Baharuddin, D. F., & Karim, N. K. A. (2019). *Cabaran Minoriti Muslim: Kajian Di Jepun*. Diakses daripada [https://www.researchgate.net/publication/340644773\\_CABARAN\\_MINORITI\\_MUSLIM\\_KAJIAN\\_DI\\_JEPUN](https://www.researchgate.net/publication/340644773_CABARAN_MINORITI_MUSLIM_KAJIAN_DI_JEPUN).
- Ho, C. P. (2013). *Research Methodology Manual*. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Islamic Education. (2017). Diakses daripada <https://www.mabonline.net/islamic-education/>
- Islamic Council Western Australia (2023). Diakses daripada <https://www.islamiccouncilwa.com.au/mosque/>
- Living in Perth, Western Australia. (n.d). Diakses daripada <https://www.apsi.edu.au/international-student/western-australia/living-in-perth/>
- Moh. Nazir. (2005). *Metode Penelitian*. Ghalia, Indonesia.
- Mohd Zaid, M. F. H. M. Z., Awang, J., & Rahman, Z. A. R. (2018). Kehidupan Beragama Minoriti Muslim di Korea. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1-9.
- Muhammad Arif, M. (2016). The New Muslim Generation in Japan: Challenges and Future. *Journal of Humanities and Social Science*, 91-96.
- Richard E. Boyatzis. (1998). *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. California: Sage Publication.
- Saifullah Isri. (2015). Konsep Pendidikan Jerman dan Australia; Kajian Komparatif dan Aplikatif Terhadap Mutu Pendidikan Indonesia, *Jurnal Pendidikan Islam*, 6(1), 25-47.
- Simon Marginson. (1993). *Education and Public Policy in Australia*. England, Press Syndicate of the University of Cambridge.
- Sri Lestari. (2015). Melihat Kehidupan Warga Muslim di Vietnam. *BBC Magazine-Detik News*. Diakses daripada <https://news.detik.com/bbc-world/d-2964010/melihat-kehidupan-warga-muslim-di-vietnam>
- Yusof, N. (2018). Understanding The Minority Muslim Community in Singapore: Issues and Challenges. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 22(2), 175-191.